

10/12/1999

Persatuan tidak mahu Exco kalah ketua agensi kerajaan

PERSATUAN Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) berharap menteri dan ahli Exco yang tewas dalam pilihan raya umum baru-baru ini tidak dilantik mengetuai agensi kerajaan atau badan berkanun di sektor pertanian.

Yang Dipertuanya, Datuk Ahmad Arshad, berkata ini kerana sebahagian besar penduduk luar bandar tidak yakin mereka boleh menyumbang untuk membangunkan agensi yang dipertanggungjawab kepadanya.

Sambil mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memenangi pilihan raya dengan majoriti dua pertiga baru-baru ini, beliau berkata: "Mereka yang ditugaskan kelak akan lebih mengutamakan untuk menguatkan kedudukan politik mereka menerusi agensi mereka.

"Ini adalah salah guna kuasa. Ini juga satu punca kegagalan agensi dalam sektor pertanian dan akhirnya tidak mendapat kerjasama sepenuhnya penduduk luar bandar untuk membangunkan bidang pertanian demi kepentingan negara."

Ahmad berkeyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan memberi perhatian kepada sektor pertanian yang membabitkan penduduk luar bandar.

PKPKM berharap tumpuan juga diberikan bagi melaksanakan Dasar Pertanian Negara ketiga dan melaksanakan perakuan Jawatankuasa Khas Kabinet bagi mengatasi masalah pekebun kecil dan petani.

Jawatankuasa ini yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri turut dianggotai Menteri Pertanian, Menteri Perusahaan Utama, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Menteri Kewangan.

Selain itu, persatuan itu juga turut mendesak kerajaan mengkaji semula peraturan yang kini dipakai oleh agensi pembangunan seperti Felda, Felcra dan Risda berhubung penanaman semula kelapa sawit dan getah.

Ahmad berkata, agensi ini membabitkan kehidupan 114,000 peneroka di bawah Felda, Risda (400,000 pekebun kecil) dan Felcra (80,000).

Katanya, pada masa ini agensi berkenaan seolah-olah mengenakan tekanan kepada peneroka supaya melaksanakan penanaman semula menerusi agensi.

"Peneroka dan pekebun kecil sepatutnya diberi pilihan sama ada menanam semula menerusi agensi atau menanam sendiri secara berkelompok untuk mengelakkan berhutang dengan agensi.

"Malangnya, banyak aduan diterima daripada pekebun kecil menyatakan mereka ditekan sekiranya enggan menerusi agensi, segala bantuan akan ditahan," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Antara peneroka terbabit, katanya, ialah di Felda Trolak Utara, Pahang (180 peneroka), Bukit Serampang Johor (300 peneroka), Felda Bukit Rokan Utara, Negeri Sembilan (118) dan beberapa rancangan lain.

(END)